

# Pemuda minta Dr. M tinggalkan UMNO

Oleh RAJMAH HASAN

**KUALA TERENGGANU** 28 Okt. – Bekas Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamad diminta keluar daripada parti UMNO sekiranya beliau terus lantang mengkritik kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Terengganu, Mohd. Sabri Alwi berkata, adalah lebih baik Dr. Mahathir berbuat demikian jika beliau merasakan perjuangan UMNO kini tidak lagi relevan pada pandangan matanya.

“Tun (Dr. Mahathir) hanyalah bekas Presiden. Sebagai ahli biasa UMNO, be-

**Um-29/10/2006**  
Tun hanyalah bekas Presiden. Sebagai ahli biasa UMNO, beliau tidak patut mengkritik Pak Lah secara terbuka. Apatah lagi selepas pertemuan mereka baru-baru ini

– Mohd. Sabri Alwi

liau tidak patut mengkritik Pak Lah secara terbuka. Apatah lagi selepas pertemuan mereka baru-baru ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada majlis rumah terbukanya di Jalan Kamarudin dekat sini hari ini.

Mohd. Sabri berkata, tindakan Dr. Mahathir mengkritik Perdana Menteri itu jika dibiarkan boleh mencetuskan kekeliruan di kalangan ahli parti dan sekali gus memecahbelahkan perpaduan UMNO dan orang Melayu.

“Cukuplah... dah bersara buatlah cara

bersara. Sudah 22 tahun Tun berkuasa dan sudah 22 tahun juga orang mendengar cakupnya. Sudah sampai masa Tun berhenti bercakap dan beri peluang kepada Pak Lah untuk memimpin pula kali ini,” katanya.

Menurutnya, Majlis Tertinggi UMNO juga patut mengenakan tindakan disiplin terhadap Dr. Mahathir atas tindakannya itu.

Dalam pada itu, Mohd. Sabri turut menyatakan sokongan penuh Pemuda UMNO negeri terhadap kenyataan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein yang melahirkan rasa bosan dan meluat dengan sikap Dr. Mahathir yang berterusan mengkritik Perdana Menteri.